

24 JUN 2000

ICGM-Afghanistan

AFGHANISTAN MAHU PENGGANTUNGAN KEANGGOTAANYA DALAM OIC DITARIK BALIK

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Afghanistan mahukan penggantungan keanggotaannya dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ditarik balik pada Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) ke-27 di sini mulai Selasa ini.

Dutanya ke Malaysia Abdul Sattar Murad berkata penarikan balik itu akan membolehkan kerajaan Afghanistan mengetengahkan kesnya untuk penyelesaian segera kepada konflik yang berlanjutan di negara itu.

"Kami berharap mesyuarat di sini akan mengembalikan kerusi Afghanistan yang kosong sekarang kepada kerajaan Rabbani, iaitu kerajaan yang diperakui antarabangsa dan wakil tulen berdaulat bagi Afghanistan yang merdeka," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan ICFM. Persidangan empat hari itu juga akan dihadiri oleh Setiausaha Agung OIC Dr Azeddine Laraki.

Sebanyak 1,000 anggota perwakilan dari negara-negara anggota OIC akan menghadiri mesyuarat itu yang dianjurkan kali kedua oleh Malaysia. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah mesyuarat itu pada 1974.

OIC yang dibentuk pada 1969, mengandungi 56 negara anggota dan empat negara pemerhati termasuk Bosnia dan Herzegovina serta Thailand.

Afghanistan digantung daripada kumpulan itu pada mesyuarat ICFM ke-24 di Jakarta pada Disember 1996 berikutan kejatuhan Kabul kepada Taliban.

Berikutan pencerobohan Soviet pada tahun 1979 dan berakhir pada 1989, 16 juta rakyat Afghanistan telah menghadapi pelbagai kesengsaraan.

Ekoran itu, kerajaan pelbagai parti dibentuk di bawah Rabbani pada 1992 tetapi digulingkan oleh Taliban pada September 1996, yang kemudiannya mengenakan peraturan tradisional dan puak yang ketat.

Kerajaan Rabbani yang diperakui sehingga sekarang oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah mendakwa bahawa penggulingan itu mendapat sokongan tentera asing dan bantuan kewangan pihak luar.

Taliban yang diasaskan pada 1994, hanya di diperakui oleh Pakistan, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE).

Abdul Sattar berkata bahawa OIC mempunyai tanggungjawab untuk memberi perhatian serius kepada keadaan Afghan yang menurutnya tidak sahaja mengancam keamanan dan keselamatan negara-negara jiran malah rantau itu secara keseluruhan.

"Ia secara langsung telah menjejaskan kemakmuran ekonomi serantau dan OIC sebagai badan mewakili negara-negara Islam, mempunyai tanggungjawab untuk memainkan peranan penting dan aktif bagi kepentingan negara-negara Islam," katanya.

Abdul Sattar berkata kerajaan beliau yakin bahawa keamanan hanya akan dicapai di Afghanistan melalui perundingan.

"Selaras dengan banyak resolusi yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, kami yakin bahawa keamanan di Afghanistan hanya akan dipulihkan melalui rundingan dan dialog ikhlas," katanya.

-- BERNAMA

RV LAT MAI